

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**SBW312 – Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Perbandaran**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Pilih satu pihak berkuasa tempatan yang anda kenali. Nyatakan struktur pentadbiran dan tugas-tugas utama jabatan masing-masing. Nyatakan dua isu utama yang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan tersebut dan huraikan bagaimana pihak berkuasa tempatan ini menghadapi cabaran ini.  
(100 markah)
  
2. Setiap pihak berkuasa tempatan di Malaysia mempunyai beberapa orang ahli majlis. Beri komen-komen ringkas terhadap topik-topik berikut:
  - a. Kriteria atau syarat untuk seseorang dilantik sebagai ahli majlis.
  - b. Siapa atau pihak berkuasa mana yang melantik ahli majlis kerajaan tempatan?
  - c. Tempoh perlantikan seorang ahli majlis.
  - d. Bilangan ahli majlis di sebuah pihak berkuasa tempatan, dan
  - e. Patutkah ahli majlis dilantik atau dipilih? Huraikan.(100 markah)

...2/-

3. Nyatakan undang-undang yang sedia ada untuk pihak berkuasa tempatan mengawal penjaja di bandar-bandar di Malaysia. Adakah undang-undang ini berkesan? Beri penjelasan. (100 markah)
4. Sesiapa yang ingin membina rumah atau bangunan atau mengubahsuai bangunan mesti mendapat kebenaran dari pihak berkuasa tempatan. Nyatakan undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan mengawal kegiatan tersebut di atas. Adakah undang-undang ini berkesan? (100 markah)
5. Kebersihan adalah suatu tanggungjawab yang penting bagi pihak berkuasa tempatan. Pilih sebuah bandar yang anda kenali. Nyatakan tahap kebersihan bandar ini dan huraikan bagaimana pihak berkuasa dapat meningkat tahap kebersihan bandar tersebut. (100 markah)
6. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan mengawal pembangunan tanah. Bincangkan bagaimana sesebuah pihak berkuasa tempatan melaksanakan Akta ini. Anda boleh jawab soalan berasaskan sebuah bandar tertentu yang anda kenali. (100 markah)

- 000 0 000 -